

Banjir mula landa negeri Pantai Timur

» Empat pusat pemindahan di Raub, Lipis dibuka

Oleh Balqis Jazimah Zahari, Shaiful Shahrin Ahmad Pauzi, Mohd Roji Kawi, Nik Sukry Ramli, Mohd Nazllie Zainul dan Mohd Zulkifli Zainuddin
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur

Banjir mula melanda Pantai Timur apabila empat pusat pemindahan sementara dibuka di daerah Raub dan Lipis, Pahang malam kelmarin dan tengah hari semalam.

Pusat pemindahan menempatkan 62 orang daripada 14 keluarga di daerah Raub dibuka di FELDA Tersang 1, FELDA Tersang 2 dan Kampung Tersang.

Pusat pemindahan pertama di Dewan Datuk Adnan FELDA Tersang 1 dibuka kira-kira jam 7.30 malam, manakala pusat pemindahan di Bangunan Gerakan Persatuan Wanita (GPW) FELDA Tersang dibuka jam 8.30 malam.

Pusat pemindahan di Balai Raya Kampung Tersang pula dibuka kira-kira jam 1 pagi.

Hujan lebat peringkat kuning

Pengarah Jabatan Meteorologi Kelantan, Maqrun Fadzli Mohd Fahmi, berkata pihaknya meletakkan amaran hujan lebat peringkat kuning selepas meramalkan hujan kadangkala sederhana lebat di Pahang, Kelantan dan Terengganu.

"Jika ramalan ini benar, amaran akan bertukar kepada jingga dan kemungkinan bertukar kepada merah sekiranya hujan lebih lebat daripada jangkaan.

"Bagaimanapun, saya berharap penduduk yang tinggal di kawasan rendah yang biasanya berlaku banjir perlu bersiap sedia menghadapi banjir sehingga 28 November ini.

"Kecil atau besar banjir yang berlaku, saya tidak dapat pastikan, namun apa yang boleh dilakukan adalah persiapan rapi supaya perkara luar jangkaan dapat dihadapi dengan baik," katanya ketika dihubungi BH, semalam.

Di **Kuantan**, Lipis menjadi daerah kedua di Pahang dilanda banjir selepas daerah Raub, menyebabkan 23 orang daripada lapan keluarga di Kampung Beletik dipindahkan ke pusat pemindahan.

Pengarah Jabatan Pertahanan Awam Malaysia Pahang, Zainal Yusoff, berkata pusat pemindahan banjir di Sekolah Lubuk Kulit, Lipis itu mula dibuka pada jam 2 petang.

Bagaimanapun jumlah mangsa banjir di Raub setakat 2 petang ini berkurangan kepada 62 orang daripada 18 keluarga berbanding 81 orang daripada 14 keluarga pagi tadi (semalam).

Penduduk FELDA Tersang 2, Sabri Othman, 56, berkata kejadian banjir itu adalah kali pertama berlaku di kawasan berkenaan yang dibuka sejak 30 tahun lalu.


10 kawasan dinaiki air

Di **Lawas**, pertembungan air pasang besar dan banjir kilat sejak petang kelmarin, menyebabkan sebanyak 10 kawasan di Trusan dan Sundar, di sini, dinaiki air.

Sehingga jam 3 petang semalam, kawasan yang masih dinaiki air ialah Kampung Gelapas, Kampung Seberang Kedai, Kampung Tengah, Kampung Balai dan Kampung Masjid.

Di kawasan Sundar, kawasan yang terjejas akibat banjir ialah Kampung Sebelas, Kampung Baru, Sekolah Kebangsaan (SK) Luang, Kampung Bingklai dan Kampung Sinampuan.

Pegawai Jabatan Pertahanan Awam (JPAM) Daerah Limbang, Subuh Posa berkata, seramai 34 orang daripada 10 keluarga ditempatkan di pusat pemindahan sementara, Dewan Masyarakat Trusan.



Rohani (dua kanan) beramah mesra bersama mangsa banjir sambil diperhatikan Irmohizam (kanan) ketika melawat pusat pemindahan mangsa banjir di Sekolah Kebangsaan Parit Mahang, semalam.
[FOTO ROSDAN WAHID/BH]



Anggota tentera membantu memindahkan mangsa banjir, Mohd Faizul, di Bagan Serai, semalam.
[FOTO SHAIFUL SHAHRIN AHMAD PAUZI/BH]

Beliau berkata, penghuni terpaksa dipindahkan berikutan kawasan kediaman mereka yang dinaiki air antara 0.5 hingga 1.5 meter.

Di **Ipoh**, keadaan banjir di Perak semakin buruk apabila bilangan mangsa yang ditempatkan di pusat pemindahan di tiga daerah seramai 401 orang daripada 107 keluarga sehingga jam 6 petang semalam.

Bilangan itu meningkat berbanding 311 daripada 82 keluarga pada sebelah pagi.

Tinjauan di dua pusat pemindahan banjir di Sekolah Kebangsaan (SK) Bukit Merah dan SK Changkat Lobak di daerah Kerian mendapati mangsa meningkat kepada 257 orang berbanding 160 kelmarin.

Peningkatan berikutan kenaikan air Sungai Kerian semakin

membimbangkan hingga memaksa ramai lagi penduduk di beberapa kampung di sekitar Alor Pongsu dan Bukit Merah terpaksa dipindahkan.

Pegawai Daerah Kerian, Datuk Hamzah Hussin berkata, keadaan semakin membimbangkan apabila pihaknya dimaklumkan beberapa lagi kampung sudah dinaiki air.

Di **Kuala Selangor**, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Rohani Abdul Karim, berkata kerajaan sudah menghantar bekalan makanan serta keperluan asas ke depoh simpanan di seluruh negara sebagai persediaan menghadapi banjir.

Sedia kos RM8 juta

Katanya, kos keseluruhan persediaan keperluan itu bernilai RM8 juta dan peruntukan tambahan

akan disalurkan mengikut keadaan. Kerajaan tidak meletakkan had peruntukan untuk bencana banjir.

"Kalau keadaan memerlukan perbelanjaan yang banyak, kita akan berikan sebab yang menjadi keutamaan kita ialah penyelesaian mangsa banjir.

"Kita mahu mangsa di pusat pemindahan selesa, gembira dan berpuas hati dengan layanan diberikan. Kita akan melakukan yang terbaik," katanya kepada pemberita selepas melawat pusat pemindahan mangsa banjir di Sekolah Kebangsaan (SK) Parit Mahang di sini, malam tadi.

Turut hadir, Ahli Parlimen Kuala Selangor, Datuk Irmohizam Ibrahim dan Pegawai Daerah Kuala Selangor merangkap Pengerusi Bencana Kuala Selangor, Shamsul Shahril Badliza Mohd Noor.



Mohd Taufik Abdul Rahman di bantu anaknya Mohd Shafie membaiki pulih rumahnya sebagai persediaan menghadapi banjir di Kampung Bunga Mas, Penambang, Kota Bharu.
[FOTO FATHIL ASRI/BH]